



MiMAS

Malaysia international Mathematical Arithmetic for Schools

53B, Jalan Bayu Tinggi 7, Taman Bayu Tinggi, 41200 Klang, Selangor D.E. Malaysia.
Tel: (03) 3325 9591 <https://mimas.my> Email: reg2mimas@gmail.com

No.Rujuk : MiMAS-01(21)

Tarikh : 19-02-2021

G.Besar/ GPK Ko-Kurikulum / K.Panitia Matematik

Tuan / Puan,

PEMBUKAAN PENDAFTARAN PERTANDINGAN MiMAS 2021

Berhubung dengan perkara di atas, sukacitanya dimaklumkan bahawa Big Tree Academy Malaysia akan menganjurkan Pertandingan MiMAS untuk murid-murid sekolah rendah dan menengah.

2. Pertandingan MiMAS adalah suatu pertandingan yang bersoalan pemikiran tinggi berdasarkan silibus dan standar penilaian Matematik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tujuan pertandingan adalah menguji dan menilai kemampuan pelajar-pelajar dalam pengiraan dan menyelesaikan soalan K-BAT dalam Matematik dari semua darjah di sekolah. MiMAS terdapat tiga kategori pertandingan.

(i) [Kategori Aritmetik] - Mathematical Arithmetic Olympiad (MAO)

Tarikh: 19 – 04 – 2021 (Isnin)

Masa: 30 minit (Pihak sekolah boleh menetapkan masa pertandingan)

Bayaran: RM 50.00 (Pihak sekolah hanya membayar RM47 kepada penganjur dan selebihnya digunakan sebagai bayaran perkhidmatan kurier)

Tahap: [Sekolah Rendah] Darjah 1 – Darjah 6, jumlah 6 tahap;
[Sekolah Menengah] Tingkatan 1 – Tingkatan 3, jumlah 1 tahap.

Format: Peserta perlu menjawab 3 kertas: A, B dan C. Masa menjawab setiap kertas adalah 5 minit dan mempunyai 5 minit untuk rehat antara setiap kertas. Keseluruhan masa menjawab dan rehat mengambil masa 25 minit.

Bahasa: Trilingual (Bahasa Melayu, Cina dan Inggeris)

Pertandingan Berpasukan: Jumlah peserta yang mencapai 10 orang atau lebih akan dapat menyertai pertandingan berpasukan secara automatik. Setiap pasukan akan memilih 10 peserta yang bermarkah tertinggi untuk skor dan jumlah skor tertinggi akan menjadi johan, naib johan dan tempat ke-3 dalam pertandingan berpasukan.

Catatan: Pemenang emas dari negeri lain akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam “Shenmo Cup Mental Arithmetic International Competition” yang diadakan pada 11 dan 12 Jun.

(ii) [Kategori Matematik] - Malaysia Mathematics Invitational (MMI)

Tarikh: 22 – 04 – 2021 (Khamis)

Masa: 60 minit (Pihak sekolah boleh menetapkan masa pertandingan)

Bayaran: RM 55.00 (Pihak sekolah hanya membayar RM52 kepada penganjur dan selebihnya digunakan sebagai bayaran perkhidmatan kurier)

Tahap: [Sekolah Rendah] Darjah 1 – Darjah 6, jumlah 6 tahap;
[Sekolah Menengah] Tingkatan 1 – Tingkatan 6, jumlah 6 tahap
Kertas soalan Tingkatan 5 dan 6 adalah sama, tetapi dinilai secara berasingan.



MiMAS

Malaysia international Mathematical Arithmetic for Schools

53B, Jalan Bayu Tinggi 7, Taman Bayu Tinggi, 41200 Klang, Selangor D.E. Malaysia.
Tel: (03) 3325 9591 <https://mimas.my> Email: reg2mimas@gmail.com

Format: (i) Penaakulan Logik – Soalan pilihan : 20 soalan

(ii) Kemampuan Aplikasi – Soalan subjektif : 10 soalan

Bahasa: Trilingual (Bahasa Melayu, Cina dan Inggeris)

Catatan: Pemenang emas dari negeri lain akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam “Malaysia Mathematics Invitational – Final” yang diadakan 11 dan 12 Jun. Penganjur akan mengesyorkan pemenang final untuk mendaftar “World Mathematics Invitational” dan bersaing dengan pasukan dari China, Taiwan, Korea Selatan dan negara-negara lain.

(iii) [Kategori Memory] - Malaysia Memory Tournament (MMT)

Tarikh: 21 – 04 – 2021 (Rabu)

Masa: 20 minit (Pihak sekolah boleh menetapkan masa pertandingan)

Bayaran: RM 40.00 (Pihak sekolah hanya membayar RM37 kepada penganjur dan selebihnya digunakan sebagai bayaran perkhidmatan kurier)

Tahap: [Sekolah Rendah] Tahap A: Darjah 1-3 (D1-D3); Tahap B: Darjah 4-6 (D4-6)
[Sekolah Menengah] Tingkatan 1 – Tingkatan 3

- Cara:
1. Peserta boleh memuat turun jadual nombor pi dari laman web untuk membuat latihan. (<https://mimas.my>)
 2. Peserta diberi 20 minit untuk menulis nombor pi di kertas soalan yang disediakan oleh pihak penganjur.
 3. Hanya alat menulis dan melukis sahaja dibenarkan bawa masuk ke dalam tempat pertandingan.
 4. Setiap digit bagi nombor pi yang betul mengikut urutan mendapat 1 markah. Jika terdapat satu digit salah, digit yang seterusnya tidak dikira markah. Peserta yang mendapat markah tertinggi adalah pemenang.

Catatan: Pemenang emas akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam “Shenmo Cup Memory International Tournament” yang diadakan pada 11 dan 12 Jun 2021.

3. Sila mengumumkan maklumat pertandingan di papan buletin sekolah atau laman web sekolah seperti Google Site, WhatsApp dan lain-lain untuk dirujuk oleh pelajar. Pihak sekolah juga boleh melantik seorang guru untuk bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan perkara pendaftaran dan menghubungi dengan pihak penganjur. Pihak penganjur akan memberikan sijil penghargaan khas kepada sekolah dan guru bertugas untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah. **Tarikh tutup pendaftaran adalah 27 Mac 2021.**

4. Kertas soalan pertandingan akan dihantar terus ke sekolah yang terlibat oleh pihak penganjur. Selepas tamat pertandingan, pihak sekolah dikehendaki meletakkan **lembaran jawapan** dan **senarai nama peserta** dalam sampul surat yang dibekal dan menghantar bungkusan tersebut serta-merta ke alamat di bawah melalui **perkhidmatan kurier**

BIG TREE ACADEMY MALAYSIA SDN. BHD.
53B, Jalan Bayu Tinggi 7,
Taman Bayu Tinggi,
41200 Klang, Selangor D.E.
Tel: (03) 3325 9591



MiMAS

Malaysia international Mathematical Arithmetic for Schools

53B, Jalan Bayu Tinggi 7, Taman Bayu Tinggi, 41200 Klang, Selangor D.E. Malaysia.
Tel: (03) 3325 9591 <https://mimas.my> Email: reg2mimas@gmail.com

5. Terima kasih atas sokongan dan bantuan anda kepada Pertandingan MiMAS. Jika mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: 016-260 2982 (Cik Tan) / 016-260 2991 (Cik Teoh) / 03-3325 9591 (Cik Ng) Pihak sekolah boleh melayari atau memuat turun bahan dalam talian : <https://mimas.my>

Sekian,

Yang benar,

Goh Swee Hong

.....
GOH SWEE HONG

Pengarah Big Tree Academy Malaysia Sdn Bhd

- Lampiran: 1. Borang pendaftaran sekolah
2. Borang pendaftaran pelajar (Boleh salin sendiri)
3. Poster pertandingan MiMAS 2021 (Untuk disiarkan di papan buletin)

Catatan: Sekiranya jumlah peserta tidak melebihi 3 orang, caj bayaran pentadbiran akan dikenakan sebanyak RM35